

PM kembali bertugas Isnin

BH - 7-Jan-2006

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdul-lah Ahmad Badawi akan mula bertugas Isnin ini selepas ber-cuti dan orang ramai mula memberi tumpuan sama ada Perdana Menteri sudah bersedia untuk mengumumkan mengenai rombakan Kabinet.

Jadual pertama Abdullah ialah ber-ucap pada majlis Perhimpunan Bulanan untuk kakitangan Jabatan Per-dana Menteri di Dataran Putra di sini jam 8.15 pagi Isnin dan kemudian me-ngadakan mesyuarat di pejabatnya.

Pada sebelah malamnya, beliau akan berlepas ke Pulau Pinang untuk me-

nyambut Aidiladha di Kepala Batas keesokan harinya sebelum kembali se-mula ke sini pada sebelah petang.

Pada pagi Rabu pula, Abdullah akan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail iaitu rutin biasa sebelum beliau mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet.

Berikutan itu, timbul spekulasi Per-dana Menteri akan mengumumkan rombakan Kabinet selepas mesyuarat jemaah menteri pada hari berkenaan.

“Memang menjadi kewajipan bagi Perdana Menteri menyembahkan se-

narai Kabinet baru kepada Yang di-Per-tuan Agong bagi mendapat perkenan, jika berlaku sebarang rombakan.

“Tiada siapa yang pasti sama ada Pak Lah akan membuat rombakan Ka-binet minggu depan atau selepas pe-rayaan Tahun Baru Cina,” kata satu sumber.

Sumber di Pejabat Perdana Menteri pula ketika dihubungi semalam eng-gan memberi sebarang petanda ke-mungkinan rombakan Kabinet itu di-buat, tetapi yang pasti Abdullah lebih banyak menumpukan masanya di pe-jabat minggu depan.